# BUKU MANUAL UNTUK
# MEMBAWA HAIWAN, HASIL HAIWAN DAN LAIN-LAIN
# KELUAR ATAU MASUK NEGERI SABAH







**JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH**
**TINGKAT 5, BLOK B, WISMA MUIS**
**88100, KOTA KINABALU, SABAH**
**TEL : 088-215330 ; FAX : 088-222476**

Cetakan Pertama

Hak Cipta Jabatan Hidupan Liar Sabah

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Hidupan Liar Sabah.

**Diterbitkan oleh:**
Jabatan Hidupan Liar Sabah
Tingkat 5, Blok B, Wisma Muis
Kota Kinabalu, SABAH
Tel : 088-215330
Fax : 088-222476

**© 2013 Jabatan Hidupan Liar Sabah**

**Dicetak di :** Kota Kinabalu

**KANDUNGAN**

**1. Tujuan**

**2. Skop Pemakaian**

**3. Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri**

3.1 Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar Dari Negeri

3.2 Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar Dari Negeri

3.3 Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil haiwan Dan Lain-Lain Masuk Ke Negeri

3.4 Permit Membawa Masuk Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Masuk Ke Negeri

3.5 Permit CITES

**4. Prosedur Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri**

4.1 Syarat-Syarat Permohonan

4.2 Dokumen Sokongan Yang Diperlukan

4.3 Bayaran Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri

4.4 Prosedur Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain Lain Keluar atau Masuk Negeri

**5. Pemeriksaan Konsainmen Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri**

**6. Peraturan Untuk Membuat Pengistyharan**

**7. Penutup**

**Lampiran**

## 1. TUJUAN

Buku Manual ini bertujuan untuk menjelaskan kepada pelanggan Jabatan Hidupan Liar mengenai prosedur dan syarat-syarat Membawa Keluar/Masuk Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Ke/Dari Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh Jabatan Hidupan Liar berlandaskan **Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997, Peraturan-Peraturan Hidupan Liar 1998** dan ***Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES)**. Ianya diharapkan dapat memuaskan hati pelanggan Jabatan dalam urusan Membawa Keluar Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Dari Negeri Sabah atau Membawa Masuk Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Ke Negeri Sabah serta untuk membantu mereka yang baru melibatkan diri dalam perdagangan ini.





## 2. SKOP PEMAKAIAN

Buku Manual ini hanya digunapakai di Negeri Sabah sahaja dalam pengeluaran Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar Dari Negeri Sabah, Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Masuk Ke Negeri Sabah serta keperluan Permit CITES. Spesis hidupan liar yang terlibat dengan Buku Manual ini merupakan semua spesies hidupan liar yang tersenarai sebagai Haiwan Dilindungi didalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 dan Appendix CITES kecuali spesis ikan dan kayu.

## 3. DEFINISI

“haiwan” ertinya apa-apa vertebrata dan telur-telur daripadanya tetapi tidak termasuk haiwan ternakan atau telur-telur daripadanya;

“haiwan dilindungi” ertinya haiwan dari spesis yang dinyatakan dalam Lampiran I atau II Konvensyen, Bahagian I Jadual 1, Bahagian I Jadual 2 atau Jadual 3 Enakmen pemeliharaan Hidupan Liar 1997;

“konvensyen” ertinya Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesis Terancam Flora dan Fauna (CITES);

## 4. PERMIT MEMBAWA KELUAR/MASUK HAIWAN, HASIL HAIWAN DAN LAIN-LAIN DARI/KE NEGERI

Permit-permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Hidupan Liar adalah :-

a. Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil haiwan Dan Lain-Lain Keluar Negeri
b. Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar Dari Negeri
c. Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil haiwan Dan Lain-Lain Masuk Negeri
d. Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Masuk Ke Negeri
e. Permit CITES

### 4.1 Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil haiwan Dan Lain-Lain Keluar Dari Negeri

Permohonan permit ini diperlukan oleh pelanggan bagi mendapatkan permit untuk membawa haiwan, hasil haiwan atau tumbuhan, hasil tumbuhan ke luar Negeri bagi spesies haiwan / tumbuhan yang tersenarai di dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 Permohonan ini hendaklah dibuat dalam Borang 22 dalam Jadual 1 dan disertakan dengan fee yang dinyatakan dalam butiran 13 Jadual 2 sebanyak RM1.00/borang berdasarkan Peraturan-Peraturan Hidupan Liar 1998 (sila lihat ***Lampiran 1***).

### 4.2 Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar Dari Negeri

Permit ini diperlukan oleh pelanggan untuk membawa haiwan, hasil haiwan atau tumbuhan, hasil tumbuhan ke luar Negeri bagi spesies haiwan yang tersenarai di dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Permohonan ini hendaklah dibuat dalam Borang 23 dalam Jadual 1 dan disertakan dengan fee yang dinyatakan dalam butiran 13 Jadual 2 sebanyak RM5.00 sehaiwan/setumbuhan berdasarkan Peraturan-Peraturan Hidupan Liar 1998 (sila lihat ***Lampiran 2*** )





## 4.3 Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Masuk Ke Negeri

Permohonan permit ini diperlukan oleh pelenggan bagi mendapatkan permit untuk membawa haiwan, hasil haiwan atau tumbuhan, hasil tumbuhan masuk ke Negeri Sabah bagi spesies haiwan yang tersenarai di dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Permohonan ini hendaklah dibuat dalam Borang 24 dalam Jadual 1 dan disertakan dengan fee yang dinyatakan dalam butiran 14 Jadual 2 sebanyak RM1.00/borang berdasarkan Peraturan-Peraturan Hidupan Liar 1998 (sila lihat ***Lampiran 3*** ).

## 4.4 Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Masuk Ke Negeri

Permit ini diperlukan oleh pelanggan untuk membawa haiwan, hasil haiwan atau tumbuhan masuk ke dalam Negeri bagi spesies haiwan yang tersenarai di dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Permohonan ini hendaklah dibuat dalam Borang 25 dalam Jadual 1 dan disertakan dengan fee yang dinyatakan dalam butiran 14 Jadual 2 sebanyak RM5.00 sehaiwan/setumbuhan berdasarkan Peraturan-Peraturan Hidupan Liar 1998 (sila lihat ***Lampiran 4*** ).






## 4.5 Permit CITES

Permit CITES merupakan permit yang diperlukan oleh pelanggan untuk aktiviti import/eksport yang tersenarai dibawah Appendix I, II & III CITES (sila lihat ***Lampiran 5*** ).

***Catatan :-***

Sila rujuk laman web Jabatan Hidupan Liar http://www.jhl.gov.my untuk senarai terperinci hidupan liar yang dilindungi dan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya dibawah Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Untuk spesies dibawah senarai CITES, sila rujuk laman web CITES http://www.cites.org.

## 5. PROSEDUR PERMOHONAN PERMIT MEMBAWA HAIWAN, HASIL HAIWAN DAN LAIN-LAIN KELUAR/MASUK NEGERI

### 5.1 Syarat-syarat permohonan

a.) Semua urusan permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri seperti yang tersenarai dalam Appendix I, II & III CITES hanya boleh diproses di :-

**Ibu Pejabat**
**Jabatan Hidupan Liar Sabah**
**Tingkat 5, Blok B, Wisma Muis, 88100**
**Kota Kinabalu, SABAH.**
**Tel : 088-215330 ; Fax : 088-222476**

b.) Permohonan bagi spesis yang tidak tersenarai dalam Appendix I, II & III CITES boleh dilakukan di Pejabat Hidupan Liar Daerah tetapi Pegawai Hidupan Liar Daerah harus memaklumkan kepada Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah terlebih dahulu.

c.) Permohonan hanya akan diproses apabila dokumen sokongan yang diperlukan seperti Para 4.2 telah dilengkapi oleh pelanggan. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak serta merta.

d.) Permohonan hanya akan diproses dalam waktu masa bekerja (Isnin-Jumaat). Permohonan yang lengkap dan disertakan dokumen sokongan yang diperlukan akan diproses dalam waktu 3 hari.

e.) Haiwan dan Tumbuhan Dilindungi sepenuhnya ***(Totally Protected)*** dalam Jadual 1, Bahagian I dan II, Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 (EPHL, 1997) tidak dibenarkan sama sekali untuk dieksport kecuali ada kebenaran bertulis dari Menteri Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar Negeri Sabah.









## 5.2 Dokumen Sokongan Yang Diperlukan

a.) Salinan Permit Penternakan
b.) Salinan Permit Peniaga Haiwan
c.) Salinan Permit Peniaga Tumbuhan
d.) Salinan Permit Penanaman Tumbuhan
e.) Salinan Permit CITES atau Certificate of Origin Negara Pengeksport
f.) Salinan Invois pengeksport
g.) Surat pengesahan Negeri/Negara Pengeksport

| Jenis Permit | Dalam Negara | Luar Negara |
|---|---|---|
| Permit Membawa Masuk Ke Sabah | i.) Dokumen f dan g | i.) Dokumen e, f, dan g |
| Permit Membawa Keluar Dari Sabah | i.) Dokumen a, b, c dan d | i.) Dokumen a, b, c, d dan f |
| Permit CITES | Tiada | i.) Dokumen a, b, c, d, e, f dan g |

**Table 1 : Dokumen Sokongan Yang Diperlukan Untuk Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar/Masuk Negeri**

### 5.3 Bayaran Fee Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri

Bayaran fee setiap Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri adalah seperti berikut:-

| NO | JENIS PERMIT | FEE |
|---|---|---|
| 1. | Permit CITES | RM50.00 |
| 2. | Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar Dari Negeri Sabah | RM5.00/haiwan/unit |
| 3. | Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Masuk Ke Negeri Sabah | RM5.00/haiwan/unit |

### 5.4 Prosedur Permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri

Prosedur permohonan permit dilakukan secara Off Line iaitu permohonan dilakukan di kaunter Jabatan Hidupan Liar Sabah.

| NO | PROSEDUR | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1. | Permohonan dilakukan di kaunter perlesenan Pejabat Hidupan Liar Sabah. | Pemohon |
| 2. | Isi borang permohonan di kaunter perlesenan Jabatan Hidupan Liar Sabah. Sertakan dokumen-dokumen sokongan seperti Para 4.2 yang berkaitan bersama-sama dengan bayaran permohonan yang dikenakan. | Pemohon |
| 3. | Dapatkan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri yang telah disiapkan dan bayar fee yang telah ditentukan di Para 4.3. | Pemohon |

## 6. PEMERIKSAAN KONSAINMEN MEMBAWA HAIWAN, HASIL HAIWAN DAN LAIN-LAIN KELUAR ATAU MASUK NEGERI SABAH

5.1 Pengimport atau pengeksport adalah diwajibkan untuk membuat pengesahan tarikh dan masa membawa keluar/masuk konsainmen haiwan, hasil haiwan dan lain-lain kepada Jabatan sekurang-kurangnya 2 hari sebelumnya. Segala kerugian yang disebabkan oleh kelewatan dalam pemeriksaan oleh kakitangan Jabatan yang berpunca dari kegagalan pelanggan untuk memaklumkan tarikh dan masa adalah tanggungjawab pelanggan sendiri.





5.2 Sebarang pindaan atau kelewatan terhadap tarikh dan masa penerbangan hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan dengan segera.

5.3 Pemohon atau agennya dikehendaki hadir di tempat pemeriksaan tepat pada masanya.

5.4 Pemohon hendaklah mengemukakan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan Lain-Lain Keluar atau Masuk Negeri yang berkaitan semasa pemeriksaan dijalankan.

5.5 Untuk tujuan membawa haiwan keluar atau masuk hidupan liar hidup, pemohon wajib mematuhi kaedah pembungkusan konsainmen menurut Peratutan-Peraturan Haiwan-Haiwan Hidup yang ditetapkan oleh **International Air Transport Association (IATA)** bagi Pengangkuan melalui Udara dan Panduan-Panduan CITES bagi pengangkutan Spesimen Hidup melalui Hantaran Laut dan Udara. Pemohon juga wajib menyediakan senarai pembungkusan atau ***packing list (Lampiran 6)*** konsainmen tersebut, dimana satu salinan hendaklah dikemukakan kepada kakitangan Jabatan Hidupan Liar di tempat pemeriksaan.





5.6 Konsainmen yang telah diperiksa dan dilekatkan Tag Keselamatan Jabatan Hidupan Liar Sabah ***(Lampiran 7)*** dan Tag Identifikasi Pemeriksaan ***(Lampiran 8)*** tidak boleh dibuka semula oleh pemohon atau agennya atau sesiapa pun kecuali oleh Pegawai Kastam bertugas atas alasan tertentu dan niat tersebut telah dimaklumkan kepada Pegawai Jabatan Hidupan Liar Sabah yang bertugas.

5.7 Jabatan Hidupan Liar tidak akan bertanggungjawab ke atas perkara yang boleh menggagalkan proses membawa keluar/masuk haiwan, hasil haiwan dan lain-lain akibat kegagalan pemohon atau agennya mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

## 6. PERATURAN UNTUK MEMBUAT PENGISYTIHARAN

6.1 Sebelum pengisytiharan dibuat oleh pemohon atau agennya melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK), pemohon atau agennya adalah dikehendaki untuk memastikan bahawa semua dokumen (seperti di Table 1) membawa keluar atau masuk haiwan, hasil haiwan dan lain-lain yang berkaitan dengan Jabatan Hidupan Liar Sabah telah diperolehi terlebih dahulu.

6.2 Sekiranya pemohon atau agennya mengisytihar sesuatu konsainmen di SMK tanpa dokumen membawa keluar atau masuk haiwan, hasil haiwan dan lain-lain yang lengkap dari Jabatan Hidupan Liar Sabah, konsainmen tersebut akan ditahan dan siasatan akan dibuat dibawah Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

## 7. PENUTUP

Dengan adanya Buku Manual ini, Jabatan Hidupan Liar Sabah berharap supaya urusan permohonan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan lain-Lain Keluar Dari Negeri dan Permit Membawa Haiwan, Hasil Haiwan Dan lain-Lain Masuk Ke Negeri serta Permit CITES dari Jabatan ini dapat dilakukan dengan lebih baik dan cekap. Usaha ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Sabah untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan yang berkesan kepada mereka yang berurusan dengan Jabatan Hidupan Liar Sabah.

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 1 :

**BORANG 22**
**(Peraturan 49(1))**
**ENAKMEN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR 1997**
**PERMOHONAN BAGI PERMIT UNTUK MEMBAWA HAIWAN DLL KELUAR DARI NEGERI**

Kepada Pengarah Hidupan Liar, Kota Kinabalu, Sabah

1. Saya (Nama Penuh)..........................................................................................................................beralamat (alamat perniagaan atau rumah dalam Negara kediaman)....................................................................................
.......................................................................................................................................................................
dengan ini memohon bagi permit untuk membawa keluar dari Negeri haiwan / haiwan / hasil haiwan / tumbuhan* yang disenaraikan dibawah:

2. Permohonan telah dibuat kepada pihak berkuasa yang kompeten dalam............................................................
...............................................................................................(Negara Pengimport) bagi permit import / permit import telah diberi oleh..............................................di..........................................................................................
(pihak berkuasa kompeten Negara pengimport)*

NOTA: Satu salinan permohonan yang relevan, permit asal atau keterangan tentang ketidakperluan permit mestilah diserahsimpan berserta dengan permohonan ini.

3. Haiwan / Hasil Haiwan / Tumbuhan* telah diperolehi di bawah lesen-lesen berikut atau telah dibeli daripada orang-orang berikut (senaraikan lesen yang releven berserta nombor dan orang).....................................................................................................................................................
.......................................................................................................................................................................

4. Lesen-lesen dan sijil-sijil sah yang releven adalah diserahsimpan dengan ini.................................................
.......................................................................................................................................................................

CONTOH

5. Dalam kes haiwan hidup yang akan dieksport pengaturan berikut telah dibuat bagi pengangkutan dan pengkapalan haiwan-haiwan tersebut. (berikan butir-butir ringkas tentang pengurungan dan pengaturan lain. Kontena akan diperiksa sebelum dieksport)..............................................................................................
..........................................................................................................................................................

6. Haiwan / Hasil haiwan / Tumbuhan* dan kontena boleh diperiksa di:.............................................................
..........................................................................................................................................................

**Haiwan hidup** **Bilangan tiap-tiap jantina**

**Jenis barang** **Bilangan** **Berat** **Tanda (jika ada)**

CONTOH

NOTA: Indikasi hendaklah dibuat bagi haiwan-haiwan yang membiak dalam tawanan atau sebahagian daripada yang mana permit diminta.

SAYA DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa butir-butir di atas adalah benar dan bahawa saya tahu tentang peruntukan-peruntukan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 dan Undang-Undang bertulis yang lain berhubung dengan pemilikan, perdagangan import dan eksport haiwan/hasil haiwan/tumbuhan* di bawah Konvensyen Perdagangan Spesis Terancam fauna dan Flora Liar (CITES).

Fee permohonan disertakan RM.............................

Tarikh...........................................

.............................................
(Tandatangan Pemohon)

* Potong mana yang tidak berkenaan

## LAMPIRAN 2 :

**BORANG 23**

**(Peraturan 49(3))**

**NEGERI SABAH**

**ENAKMEN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR 1997**

**PERMIT UNTUK MEMBAWA HAIWAN DLL. KELUAR DARI NEGERI**

(Tidak boleh dipindahmilik)

**Nombor Permit:** ..........................

(Nama)........................................................................................................beralamat di……………….....................
…………………………………………………………adalah dibenarkan untuk membawa keluar dari Negeri haiwan/hasil haiwan/tumbuhan* yang disenaraikan dalam Jadual di bawah setelah memuaskan hati Pengarah Hidupan Liar bahawa haiwan/hasil haiwan/tumbuhan* itu di bawa keluar menurut Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 dan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesis Terancam Fauna dan Flora Liar (CITES) dan bahawa dalam kes haiwan hidup kemudahan-kemudahan yang wajar dan mencukupi akan disediakan bagi persinggahan haiwan tersebut supaya memastikan bahawa risiko kecederaan, kerosakan kepada kesihatan atau layanan kejam ke atas haiwan tersebut dapat dikurangkan.

JADUAL

Haiwan hidup:

| Spesis | Bilangan bagi tiap-tiap jantina |
|---|---|
| | |

Hasil haiwan (bahagian atau terbitan)/Tumbuhan*:

| Jenis barang | Bilangan | Berat | Tanda (jika ada) |
|---|---|---|---|
| | | | |

Permit ini sah sehingga: ..........................................

Fee dibayar RM.............................

Tarikh: .............................

........................................................

Tandatangan dan jawatan pegawai
yang mengeluarkan permit bagi
pihak Pengarah

*Potong mana yang tidak dipakai.

CONTOH

**LAMPIRAN 3 :**

**BORANG 24**
**(Peraturan 50(1))**
**NEGERI SABAH**
**ENAKMEN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR 1997**
**PERMOHONAN BAGI PERMIT MEMBAWA MASUK HAIWAN DLL.**

Kepada Pengarah Hidupan Liar, Kota Kinabalu, Sabah.

1. Saya (Nama Penuh)..............................................................................................................................
   Beralamat di.........................................................................................................................................
   dengan ini memohon bagi pengeluaran permit untuk membawa masuk ke dalam Negeri, haiwan/hasil haiwan / tumbuhan* yang disenaraikan dalam Jadual di bawah.

2. Tujuan-tujuan haiwan/hasil haiwan / tumbuhan* itu dibawa masuk adalah: ..................................................................................................................................... ............
   .....................................................................................................................................................

3. Pengaturan yang memuaskan telah dibuat bagi menempatkan haiwan hidup yang disenaraikan dalam Jadual yang mana boleh diperiksa di:.....................................................................................
   .....................................................................................................................................................

**JADUAL**

**Haiwan hidup:**

Spesis Bilangan bagi tiap-tiap jantina

**Hasil haiwan (bahagian atau terbitan)/Tumbuhan* :**

**NOTA:** Suatu indikasi hendaklah dibuat bagi haiwan yang membiak dalam tawanan atau sebahagian daripadanya yang mana permit adalah diminta.

**SAYA DENGAN INI MENGISYTIHARKAN** bahawa butir-butir di atas adalah benar dan bahawa saya menyedari tentang peruntukan-peruntukan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 dan undang-undang bertulis lain berhubung dengan pemilikan, perdagangan, import dan eksport haiwan /hasil haiwan / tumbuhan* dan kehendak-kehendak bagi eksport dan import haiwan/hasil haiwan / tumbuhan* di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesis Terancam Fauna dan Flora Liar (CITES).

Fee permohonan disertakan RM.............................
Tarikh: .................................                                        ........................................

*Tandatangan Pemohon*

* Potong mana yang tidak dipakai.

CONTOH

## LAMPIRAN 4 :

**BORANG 25**

**(Peraturan 50(1))**

**NEGERI SABAH**

**ENAKMEN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR 1997**

**PERMIT UNTUK MEMBAWA HAIWAN DLL. MASUK KE NEGERI**

(Tidak boleh dipindahmilik)

**Nombor Permit:** ................................................

(Nama)......................................................................................................................beralamat di……………….................. ………………………………………………………adalah dibenarkan untuk membawa masuk ke Negeri haiwan/hasil haiwan/tumbuhan* yang disenaraikan dalam Jadual di bawah setelah memuaskan hati Pengarah Hidupan Liar bahawa haiwan/hasil haiwan/tumbuhan* itu di bawa masuk menurut Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 dan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesis Terancam Fauna dan Flora Liar (CITES) dan bahawa dalam kes haiwan hidup kemudahan-kemudahan yang wajar dan mencukupi akan disediakan bagi persinggahan haiwan tersebut supaya memastikan bahawa risiko kecederaan, kerosakan kepada kesihatan atau layanan kejam ke atas haiwan tersebut dapat dikurangkan.

**JADUAL**

**Haiwan hidup:**

| | |
|---|---|
| Spesis | Bilangan bagi tiap-tiap jantina |

**Hasil haiwan (bahagian atau terbitan)/Tumbuhan*:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Jenis barang | Bilangan | Berat | Tanda (jika ada) |

Permit ini sah sehingga: ...........................................

Fee dibayar RM.............................

Tarikh: .............................

.........................................................

Tandatangan dan jawatan pegawai yang mengeluarkan permit bagi pihak Pengarah

CONTOH

*Potong mana yang tidak dipakai.

**LAMPIRAN 5 :**

## Permit CITES



CONVENTION ON INTERNATIONAL TRADE IN ENDANGERED SPECIES OF WILD FAUNA AND FLORA

FEDERATION OF MALAYSIA

PERMIT / CERTIFICATE No. 0648

ORIGINAL

Director
Sabah Wildlife Department
5th Floor, Block B,
Wisma MUIS
88100 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA.

ORIGINAL

CITES PERMIT / CERTIFICATE No. 0648

CONTOH

**LAMPIRAN 6 :**

## Senarai Pembungkusan *[Packing List]*

| | |
|---|---|
| **Pengeksport**<br>**(Nama, Alamat & No. Telepon)** | |
| **Pengimport**<br>**(Nama, Alamat & No. Telepon)** | |
| **No. Permit** | |
| **Tarikh Eksport / Re-Export** | |

| **No. Bungkusan** | **Nama Saintifik Spesimen** | **Kuantiti** |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

LAMPIRAN 7 :

**Tag Keselamatan Jabatan Hidupan Liar Sabah**

**INSPECTED**
**SABAH WILDLIFE DEPARTMENT**

**INSPECTED**
**SABAH WILDLIFE DEPARTMENT**

**INSPECTED**
**SABAH WILDLIFE DEPARTMENT**

**INSPECTED**
**SABAH WILDLIFE DEPARTMENT**

**LAMPIRAN 8 :**

**Tag Identifikasi Pemeriksaan**

***Serial No. :***

# INSPECTED

## SABAH WILDLIFE DEPARTMENT

**Name of Inspector :...............................................**

**Position :...............................................................**

**Date Of Inspection :............................................**

**Time Of Inspection :...........................................**

**Package No. :.......................................................**

**Species :...............................................................**

**Quantity :.............................................................**

**Permit No. :........................................................**

**Signature :..........................................................**